

TIDAK SEMUA PSIKOPAT BERBAHAYA

Oleh: Ahmad Naufal Amri bin Mohd Normazlan, 1171281,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 1 Ogos 2020

Apabila perkataan psikopat disebut, apa yang selalu terlintas dalam fikiran kita? Individu ganas yang tidak berperikemanusiaan? Atau individu misteri yang sering melakukan jenayah tanpa rasa bersalah dan sukar dikesan oleh polis?

Ciri-ciri tersebut adalah gambaran yang sering ditonjolkan kepada kita dalam filem atau rancangan televisyen yang bertemakan psikopat. Namun, adakah ciri-ciri tersebut benar?

Artikel dalam laman blog *Psychology Today* yang bertajuk *What Is A Psychopath?* menggambarkan psikopat sebagai manusia yang kurang prihatin terhadap individu di sekeliling, kurang menunjukkan emosi yang mendalam, tidak tulus atau jujur terhadap orang lain sama ada melalui percakapan atau reaksi dan terlalu berkeyakinan tinggi selain bersifat agresif atau menunjukkan kekerasan terhadap orang lain.

Ramai yang beranggapan bahawa individu yang mempunyai kelompok ciri psikopat adalah sangat berbahaya.

Kewujudan mereka juga boleh mengancam orang di sekeliling kerana kebanyakan individu bercirikan psikopat berpotensi untuk menjadi penjenayah berbahaya seperti perogol, pembunuh, dan perompak. Namun, adakah tanggapan tersebut benar seperti yang disangka?

Walaupun seorang psikopat mempunyai sifat-sifat yang sangat negatif atau kurang menunjukkan nilai emosi yang positif, kebanyakan mereka berjaya menyesuaikan diri untuk menjalani

kehidupan yang normal. Golongan ini sering memanipulasi kelompok mereka sendiri untuk mencapai kejayaan.

Seorang pakar psikiatri Amerika Syarikat, Hervey Cleckley, pernah menyatakan dalam artikelnya bertajuk *The Psycopath: A Problem for Society* bahawa boleh jadi individu psikopat ialah seorang individu agresif yang boleh mengalahkan 20 pesaingnya dalam bidang perniagaan hanya dalam tempoh enam bulan.

Selain itu, seorang psikopat mungkin juga boleh jadi seorang individu yang tiada pengalaman dalam politik, namun mampu menjadikan dirinya terpilih menjadi wakil rakyat dalam tempoh hanya setahun.

Namun, bagaimana kita hendak membezakan antara psikopat jahat dan psikopat yang baik?

Kajian yang dijalankan oleh pakar-pakar psikologi Amerika Syarikat iaitu David Chester dan Emily Lasko pada tahun 2019 menunjukkan bahawa individu psikopat baik mampu mengawal sifat agresif dan amarah mereka dengan baik, cepat dan berkesan.

Menurut hasil kajian tersebut, semakin banyak ciri-ciri psikopat yang ditonjolkan, semakin cepat mereka mampu mengawal emosi negatif mereka.

Chester dan Lasko juga mendapati, walaupun psikopat baik mempunyai kecenderungan melakukan jenayah, mereka mampu mengawal diri kerana wujud perasaan bersalah dan ragu-ragu terhadap jenayah yang akan mereka lakukan.

Seterusnya, menurut anggaran bancian populasi dunia, jumlah individu psikopat merangkumi hanya satu peratus dan sebanyak 25 peratus daripadanya adalah lelaki.

Daripada jumlah tersebut, 40 peratus daripadanya adalah psikopat penjenayah yang boleh dikenal pasti dan selebihnya bukan penjenayah.

Justeru, jelaslah bahawa majoriti individu psikopat adalah tidak berbahaya dan kurang cenderung menjadi penjenayah.

Walaupun individu psikopat mempunyai ciri-ciri yang cenderung mempengaruhi mereka melakukan jenayah serius dan berbahaya, dengan kesedaran dan kawalan yang baik dari orang di sekeliling, mereka mampu mengawal emosi.

Mereka juga menepis dorongan untuk melakukan jenayah yang serius sekali gus menghalang diri mereka daripada membahayakan orang lain.

